

10 MAR 1999

Mahkamah-Anwar (Pita Rakaman)

PEGUAM ANWAR GAGAL MAINKAN PITA RAKAMAN

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini gagal dalam usaha mereka untuk memainkan empat pita rakaman yang dikatakan mengandungi perbualan antara Ummi Hafilda Ali dan dua ahli perniagaan berkaitan dakwaan pakatan menjatuhkan bekas timbalan perdana menteri itu.

Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S. Augustine Paul memutuskan bahawa pita rakaman itu tidak boleh dimainkan kerana ia tidak boleh diterima.

Beliau berkata ketulenan pita rakaman itu boleh dipersoalkan kerana ia telah diedit atas arahan Anwar.

"Kita tidak tahu apa yang telah dipotong, oleh itu ia tidak boleh dipercayai," katanya.

Hakim Paul membuat keputusan itu selepas peguam Anwar Gurbachan Singh memohon untuk memainkan pita rakaman itu bagi tujuan membuktikan bahawa perbualan itu ada berlaku di antara Ummi, Datuk Sng Chee Hua dan Nor Azman Abdullah di London.

Anwar, 51, menghadapi empat pertuduhan rasuah kerana menggunakan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk campur tangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya bagi mengelakkan keaiban.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Gurbachan mengemukakan permohonan itu selepas membuat pemeriksaan utama saksi pembela ke-15, Nor Azman Abdullah atau Beginda anak Minda.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Mohd Yusuf Zainal Abiden membantah permohonan itu dan berkata ia tidak ada memberi faedah kepada perbicaraan itu.

Gurbachan said kaitan langsung di antara pita rakaman itu dan surat bertajuk "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" yang Ummi dakwa ditulis olehnya, adalah peranan Ummi berhubung buku dan surat itu yang terkandung dalam buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed mengejutkan mahkamah apabila dia mengakhiri pemeriksaan balas dengan hanya tiga soalan.

Selepas mendengar jawapan, "Ya," bagi soalan terakhir beliau iaitu sama ada nama-nama yang disebut sebagai mereka yang dihubungi Ummi dari London adalah apa yang diberitahu oleh wanita itu, Azahar memohon kepada mahkamah untuk memutuskan bahawa ia adalah hanya dengar cakap.

Gurbachan bagaimanapun meminta mahkamah untuk menanggung keputusan itu sehingga pemeriksaan semula berakhir.

Kepada soalan Gurbachan sama ada beliau berada bersama-sama Ummi ketika panggilan itu dibuat, saksi itu menjawab, "Kadang-kadang saya ada bersama-sama, kadang-kadang tak adalah. Cuma dia (Ummi) bercakap pada saya dia telah menelefon".

Hakim kemudian memutuskan bahawa keterangan itu adalah dengar cakap dan mengarahkan media supaya tidak melaporkan nama-nama individu yang disebut oleh saksi.

Dalam keterangannya pada sesi petang, Nor Azman berkata Anwar meminta rakaman yang dibuat dalam empat pita dijadikan dua kerana beliau mahu membuang semua perbualan Ummi yang menyebut nama Perdana Menteri.

"Datuk Seri Anwar meminta saya meninggalkan bahagian memaki hamum beliau dalam pita itu," katanya dalam pemeriksaan semula.

Nor Azman berkata semua tujuh pita yang digunakan untuk merakam perbualan berkenaan dengan alat perakam yang berfungsi dengan baik adalah kosong dan merupakan pita baru, begitu juga dengan empat pita yang kemudiannya digunakan.

Katanya empat pita itu kemudian diserahkan kepada peguam Yeoh Chong Keng untuk disimpan sebelum diserahkan kepada polis.

Semasa Azhar memberitahu mahkamah bahawa beliau telah selesai menyoal saksi, Nor Azman yang tidak berpuas hati ingin menjelaskan sesuatu tetapi ditegur oleh Paul.

Paul: Di sini ada sistem, kita ikut undang-undang. Jika ada sebarang kesangsian peguam akan bantu. Kalau macam tu (memberi penjelasan), duduk sini satu tahunlah nak selesaikan satu kes.

Nor Azman: Maaf, saya tak biasa duduk dalam kandang ini (tempat saksi). Jawapannya disambut gelak ketawa mereka yang berada dalam mahkamah.

Dua lagi saksi memberi keterangan pada sesi petang termasuk wartawan Utusan Malaysia Siti Mariam Md Zain yang menegaskan beliau menghadiri sidang media oleh Dr Mahathir pada 24 Ogos 1997.

Seorang lagi saksi ialah pesuruhjaya sumpah, Ngui Kee Heong, yang dipanggil semula untuk memberi keterangan berkaitan surat akuan berkanun Ummi yang diikrarkan di hadapannya di pejabat Sng.

Ngui berkata surat akuan itu yang "direka" atau dirangka oleh peguam yang bernama Yeoh Chong Keng itu ditandatangani secara sukarela oleh Ummi selepas berpuashati dengan kandungannya.

Katanya beliau ke sana setelah dipanggil oleh setiausaha ahli perniagaan itu pada 23 Jun 1998 dan terpaksa menunggu sehingga 30 minit kerana surat akuan itu sedang disediakan oleh peguam berkenaan.

Perbicaraan disambung esok pukul 9 pagi.

-- BERNAMA

NHD AKD